



E-BULETIN

BULETIN UDARA BERSIH



SEKAPUR SIRIH, SEULAS PINANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, E-Buletin Bahagian Udara Edisi Pertama 2015 ini telah diterbitkan buat julung kalinya. Keluaran sulung e-buletin ini mengetengahkan program-program yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Udara sepanjang tahun 2015. Pelbagai program telah dilaksanakan pada tahun 2015 seperti Sambutan Hari Ozon Kebangsaan, Pelancaran Aplikasi Mobil Rasmi MyIPU, Seminar Perwakilan Kuasa Pembakaran Terbuka, Seminar Advancing Capacity Building On Climate Change For Top Level Management Of DOE, Kursus Refresher Bagi Alat Tecnomotor OPA 840 Plus, Bengkel Air Quality Forecasting Training- NOAA Hysplit Model dan sebagainya. Selain itu, bagi mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan kakitangan Bahagian Udara, Sambutan Hari Keluarga telah diadakan yang bertempat di Zoo Negara.

Tahun 2015 merupakan tahun yang agak mencabar kepada Bahagian Udara kerana keadaan berjerebu yang berlanjutan agak lama jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini. Alhamdulillah Bahagian Udara telah berjaya melaksana dan menyempurnakan tugas dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih, sokongan, komitmen dan kerja keras secara bersama dalam berpasukan. Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Bahagian Udara kerana begitu komited untuk menyelesaikan semua sasaran kerja yang telah dirancang atau kerja-kerja yang diarahkan secara ad-hoc. Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai pada tahun 2015, seharusnya menjadi momentum yang positif kepada kita untuk pencapaian yang lebih cemerlang pada tahun 2016.

Oleh itu, marilah kita terus fokus, membulatkan azam dan semangat serta melaksanakan tanggungjawab dan tugas kita dengan amanah dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Komitmen dan kesungguhan adalah sangat penting dan kita mesti terus belajar untuk memperbaiki kesilapan dan kelemahan kita untuk menangani setiap cabaran yang datang dengan penuh yakin dan berkesan. Harapan saya semoga usaha sebegini akan dapat diteruskan dengan lebih jitu pada tahun yang mendatang, supaya kita akan sentiasa relevan untuk mencipta kejayaan pada tahun 2016.

Akhir kata, rasanya tidak terlalu awal untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2016 kepada semua warga JAS. Semoga tahun 2016 akan menjadi tahun yang diberkati dan gemilang kepada kita semua. Selamat maju jaya dan selamat menempuh Ambang Tahun 2016 dengan azam dan semangat yang baru.

Sekian, Wassalam.

MASHITAH BT DARUS
Pengarah Bahagian Udara

AKTIVITI TAHUNAN 2015

- ◆ Seksyen Pengurusan Data Kualiti Udara
- ◆ Seksyen Perlindungan Ozon
- ◆ Seksyen Kawalan Punca-Punca Pencemaran dan Bunyi Bising
- ◆ Seksyen Kawalan Pelepasan Dari Kenderaan Bermotor
- ◆ Seksyen Pembentukan Program Baru dan Perubahan Iklim
- ◆ Seksyen Kawalselia Konsesi dan Program Pengawasan

HARI KELUARGA

SAMBUTAN HARI RAYA

WAWANCARA DI MEDIA MASSA

PENGANUGERAHAN 2015

Sidang Ridaksi

Penasihat
Mashitah Darus

Ketua Penyunting
Mohd. Faizul Hilmi Zulkifli

Penyunting
Amir Afiq Abdullah
Rupidah Idris

Ahli
Halmy Sirat
Shareena Suffian
Mohd Nor Irwan Othman
Zamzul Rizal Zulkifli

Habsah Ismail
Mohamed Fauzi Abdul Aziz
Gan Chin Keong



Majlis Pelancaran Aplikasi Mobil Rasmi MyIPU



MyIPU



Majlis Pelancaran Aplikasi Mobil Rasmi MyIPU

Tempat : Dewan Baiduri

Tarikh : 5 Mac 2015

Aplikasi MyIPU, iaitu satu aplikasi mobil untuk memudahkan rakyat dalam mendapat bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) di dalam telefon pintar mereka. Majlis ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan 2015

Tempat : Kementerian Sumber Asli

Tarikh : 28 Ogos/ 18 September/ 6 Oktober 2015

Mesyuarat ini diadakan bagi bertujuan untuk memantau perkembangan terkini keadaan jerebu yang melanda negara serta menyelaraskan tindakan-tindakan antara agensi berkenaan pengurusan bencana jerebu. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar





Meeting of Technical Working Group (TWG) and Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution

Tarikh : 27-28 Julai 2015

Tempat : Jakarta, Indonesia



Eleventh Meeting Of The Committee (COM-11) Under The Conference Of The Parties To The Asean Agreement On Transboundary Haze Pollution

Tarikh : 26-30 Oktober 2015

Tempat : Hanoi, Vietnam



**Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)
Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008
Bil. 2/2015**

Tarikh : 1 Disember 2015

Tempat : Hotel Everly, Putrajaya



**Majlis Pemberian Face Mask (N95) Kepada
Pengguna Lebuhraya Maju Expressway (MEX)**

Tarikh : 6 Oktober 2015

Tempat : Tol Putrajaya, Lebuhraya MEX

OZONE:
All there is
between you and UV



If we could bring the entire ozone layer to sea level, it would only be about 3mm thick. That's what protects us from harmful ultraviolet radiation.



International Day
for the Preservation
of the Ozone Layer
September 16th, 2015
ozone.unep.org



E-BULETIN

3



Sambutan Hari Ozon Peringkat Kebangsaan 2015

29 September 2015, Hotel Shangri-La Putrajaya.



Lawatan Verifikasi Pengimport & Pengeksport HCFC Tahun 2015

Tarikh : Sepanjang tahun

Tempat : Seluruh Malaysia

Pemeriksaan verifikasi telah



dijalankan bagi memastikan komitmen negara mematuhi obligasi terhadap perjanjian Protokol Montreal serta pematuan terhadap Pelan Pengurusan Penghapusan Hidroklorofluorokarbon (HPMP) Peringkat 1. Sejumlah 19 pengimport dan 10 pengeksport telah disenaraikan sebagai



pengimport dan pengeksport HCFC yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2015.





Program Persijilan Juruteknik Bertauliah Bagi Sektor Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara

Tempat : Pusat Latihan Bertauliah Sektor Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara

Objektif program ini bertujuan mentauliahkan dan memastikan juruteknik servis mengamalkan amalan kerja servis yang baik seiring dengan penggunaan HCFC sebagai agen penyejukan dan penyamanan udara.



Kursus Keselamatan Penerbangan

Tarikh: 9 - 12 Feb 2015

Lembah Pangsun

**Minilab Pindaan Perintah (Aktiviti-
Aktiviti Yang Ditetapkan
(Pembakaran Terbuka) 2003**

Tempat : Hotel Tan Ya

Tarikh : 23-25 Feb 2015

Bengkel Perwakilan Kuasa

Pembakaran Terbuka

Tempat : Perbadanan Putrajaya

Tarikh : 3 September 2015

Bengkel ini diadakan bagi memberi pendedahan berkenaan pelaksanaan penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai dari agensi-agensi yang diberi kuasa di bawah Perintah Pembakaran Terbuka.



**Program “Pilot Project” Pemantauan Pencemaran
Alam Sekitar Melalui Udara Menggunakan “Drone”**

Tempat : Kuantan, Pahang

Tarikh : 25 Feb 2015



Malaysia Singapore Joint Committee on Environment (MSJCE) Expert Group on Vehicular Emission

Tarikh : 24 April 2015

Tempat : Bilik Mesyuarat Cempaka, JAS

Perkongsian maklumat berkenaan isu pelepasan kenderaan bermotor antara Malaysia dan Singapura.



Demonstrasi Peralatan Pengukur Kandungan Sulfur oleh XOS dan Greenfinite (M) Sdn Bhd

Tarikh : 18 September 2015

Tempat : Bilik Mesyuarat Ixora, JAS

Memberi pendedahan kepada pegawai mengenai peralatan dan teknologi baru bagi operasi penguatkuasaan kenderaan bermotor.



Kursus Refresher Bagi Alat Tecnomotor OPA 840 Plus

Tarikh : 18 November 2015

Tempat : JAS Terengganu

Memberi pendedahan bagi penggunaan alat Tecnomotor OPA 840 Plus



Seminar Advancing Capacity Building Climate Change For Top Level Management Of DOE

Tempat : Hotel Bangi Putrajaya

Tarikh : 15-16 April 2015





Lawatan Kerja Ke Kilang Sawit MAOKIL

Tarikh : 29 September 2015

Seminar Stakeholders Bagi Projek Kajian Semula Indeks Pencemar Udara (IPU) Dan Projek Kajian Pencemaran Ozon Di Malaysia

Tempat : Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya

Tarikh : 15 Oktober 2015

Seminar ini bertujuan untuk mendapatkan input dan memaklumkan pihak *stakeholders* yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, institut penyelidikan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan mengenai hasil bagi kedua-dua kajian yang telah disediakan oleh pihak perunding





Bengkel Pengawasan Kualiti Udara

Tarikh : 4-7 Julai 2015

Tempat : Hotel New York, Johor

Bengkel ini memberi fokus kepada pengetahuan mengenai prinsip asas pengawasan kualiti udara, teknik pengiraan serta penganalisaan data Indeks Pencemar Udara (IPU).



Bengkel Air Quality Forecasting Training — NOAA Hysplit Model

Tarikh : 26-29 Oktober 2015

Tempat : Hotel Bangi Putrajaya

Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan keupayaan dan kemahiran secara berterusan dalam bidang pengawasan kualiti udara dan memberi pendedahan kepada hal-hal berkaitan ramalan kualiti udara di Malaysia.



**HARI KELUARGA
BAHAGIAN UDARA**
25 APRIL 2015
ZOO NEGARA





SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

1436H



WAWANCARA DI MEDIA MASSA

Bagi meningkatkan pemahaman orang awam mengenai isu jerebu dan Indeks Pencemar Udara (IPU) di Malaysia, hebahan melalui media massa telah dilaksanakan. Ini merupakan usaha untuk memberi kesedaran mengenai isu-isu alam sekitar.



PENGANUGERAHAN 2015**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang****Puan Nor Aziah Binti Jaafar****Anugerah Perkhidmatan Cemerlang****Encik Halmy Bin Sirat****IKON JAS****(SEPTEMBER – DISEMBER 2015)**

**PUAN NOR AZIAH BINTI
JAAFAR
PEGAWAI KAWALAN ALAM
SEKITAR
GRED C52
BAHAGIAN UDARA**